

Bola Sepak Piala YTL

UMS buka penyertaan

UB 4 9 2014 A14

KOTA KINABALU: Pasukan dipelawa menyertai Kejohanan Liga Bola Sepak Terbuka Piala YTL anjuran Unviersiti Malaysia Sabah (UMS) bermula awal bulan depan.

Jumlah penyertaan kejohanan yang dianjurkan s e m p e n a d e n g a n ulangtahun ke-20 UMS itu bagaimanapun terhad untuk 24 pasukan sahaja.

Sehubungan itu, pasukan yang berminat diminta mengesahkan penyertaan awal walaupun tarikh tutup adalah pada 30 September bagi mengelakkan kekecewaan kerana penyertaan diterima berdasarkan 'siapa cepat dia dapat'.

Kenyataan akhbar yang dikeluarkan penganjur kelmarin memberitahu bahawa kejohanan itu menawarkan hadiah keseluruhan lebih RM30,000 termasuk dalam bentuk wang tunai dan barangan sukan.

Selain pertandingan liga, kejohanan itu turut

mempertandingkan Piala FA bagi merebut Piala Carino yang dijalankan secara kalah mati.

Carino adalah penaja utama hadiah barangan sukan dan Piala FA.

Untuk pertandingan liga, pasukan akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan bersaing secara liga satu pusingan.

Dua pasukan teratas dari setiap kumpulan akan layak ke pusingan seterusnya dan juga akan bersaing dalam Divisyen Satu kejohanan sama musim depan.

Untuk keterangan lanjut, mendapatkan borang dan urusan pengesahan penyertaan, boleh menghubungi Rainol Masaat (014-3558138 atau 088-320000 samb 3178), Adam (016-8441631 atau 320000 samb 3177) atau Azman Soibah (016-8207479 atau 088-320376).

Borang penyertaan juga boleh diperolehi di Pusat Sukan UMS dan kedai sukan Ararat Sports Alam Mesra.